

# Politik sepatutnya wadah penyatuan

UM - 19/12/2021 M/S: 2

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Malaysia telah lama menjadi model kepada dunia kerana berjaya menyatukan semua kaum melalui perkongsian kuasa, namun perbezaan pegangan politik kadang kala menjadi punca kepada perpecahan.

Menurut Perdana Menteri, politik sewajarnya menjadi wadah kepada penyatuan masyarakat kepelbagaian kaum yang selama ini berupaya kekal hidup dengan aman damai melalui sikap toleransi tinggi.

Perdana Menteri menjelaskan, kepentingan peribadi dan pegangan politik akhirnya menerbitkan bibit-bibit permusuhan yang membawa kepada perpecahan dalam kalangan keluarga Malaysia.

“Perkara tersebut merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi bukan sahaja para pemimpin, tetapi juga Keluarga Malaysia bagi memastikan kestabilan negara terus terjaga.

“Sekiranya negara berada dalam keadaan tidak stabil, maka akan muncul pihak-pihak luar mahupun dalaman

yang akan mengambil kesempatan dengan niat untuk terus menggugat perpaduan yang telah sedia terjalin selama ini.

“Lantaran itu sewaktu saya mengambil alih pentadbiran, kerajaan mengambil langkah menandatangani Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik pada 13 September lalu bagi membolehkan semua pihak dalam Keluarga Malaysia tanpa mengira fahaman politik bersatu padu untuk bersama-sama berganding bahu menghadapi krisis berkembar kesihatan dan ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dalam Kongres Perpaduan Negara secara maya semalam anjuran bersama Rabiah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ismail Sabri berkata, kerajaan berharap melalui kongres ini mampu menjadi satu platform terbaik bagi percambahan ilmu serta pemikiran yang merentasi agama, akademik dan kepakaran bagi menilai semula aspek perpaduan di negara ini.

Kata beliau, ia bagi mencari satu mekanisme terbaik bagi menangani isu-isu perkauman dan perpaduan, sesuai dengan situasi semasa dan cabaran yang dihadapi kini.

Beliau menjelaskan, gabungan dan jalinan yang erat antara ilmuan dengan pemimpin politik sangat diperlukan dalam merangka formula terbaik bagi membolehkan suasana harmoni yang dicapai sebelum ini terus dapat dipertahankan hingga ke generasi akan datang.



ISMAIL SABRI YAAKOB